

Asean, AS tingkat kerjasama

Pelan tindakan gariskan tiga bidang utama untuk lima tahun akan datang



Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Azman Zakaria, Jamhariah Jaafar, Wan Hazmir Bakar dan Abdul Halim Yusof

KUALA LUMPUR: Asean dan Amerika Syarikat (AS) semalam memeterai pelan tindakan bagi meningkatkan lagi hubungan dan kerjasama antara satu sama lain untuk lima tahun akan datang.

Perjanjian dikenali Pelan Tindakan bagi Melaksanakan Peningkatan Perkongsian Asean-AS itu susulan Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Busan, Korea Selatan pada November tahun lalu.

Dokumen perjanjian ditandatangani semua 10 Menteri Luar Asean dan Setiausaha Negara AS, Condoleezza Rice pada majlis khas pada sesi Persidangan Pasca Menteri-Menteri (PMC) Asean di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini petang semalam.

Selepas pemeteraian perjanjian itu, Rice berjabat tangan dengan

Menteri Luar Asean, termasuk Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Nyan Win dari Myanmar.

Pelan tindakan itu menggariskan tiga bidang utama iaitu kerjasama politik dan keselamatan, ekonomi dan sosial serta pembangunan yang akan dilaksanakan menerusi beberapa mekanisme susulan.

Antara mekanisme itu ialah:

- Melaksanakan pelan tindakan sekretariat Asean dan AS diarah menyediakan jadual dan tempoh pelaksanaan;
- Menjalankan projek bersama bagi mencapai objektif dirancang; dan
- Mencari jalan bagi mewujudkan dana khas.

Di bawah bidang politik dan keselamatan, Asean dan AS bersetuju untuk mengkaji 39 langkah dan aktiviti, termasuk mengukuhkan kerjasama politik, keselamatan, komunikasi dan menyokong kewujudan rantau yang aman dan stabil.

Sekretariat Asean dan AS yang bertanggungjawab diarah menyerahkan laporan kemajuan mengenai pelaksanaan pelan tindakan ini pada sesi tahunan PMC + 1.

Bagi mengukuhkan perkongsian kedua-dua pihak, rundingan bagi pelan baru lima tahun bagi tempoh 2011 dan 2016, dijadual bermula pada 2010.

Sementara itu, Rice yang tiba di ibu negara semalam, menjadi tumpuan menteri, media massa dan pemerhati pada majlis memeterai dokumen dan sidang akhbar bersama semua perwakilan Persidangan Pasca Menteri (PMC).



KATA SEPAKAT:Syed Hamid (tiga dari kanan) bertukar dokumen perjanjian Pelan Tindakan bagi Melaksanakan Peningkatan Perkongsian Asean-AS dengan Rice disaksikan Setiausaha Luar Filipina, Dr Alberto G Romulo (kanan) pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean+Amerika Syarikat di KLCC, semalam.

Rice yang tiba menaiki jet Tentera Udara AS dan terus ke KLCC, dinanti wartawan tempatan dan asing. Bagaimanapun, Syed Hamid yang menjadi pengerusi hanya membenarkan wakil media mengemukakan tiga soalan. Rice pula hanya menjawab satu soalan walaupun beberapa wartawan bangun bertanya pelbagai soalan berhubung isu Palestin dan Lubnan.

Syed Hamid dipercayai terpaksa memendekkan tempoh sidang media kerana Rice perlu ke Parlimen untuk pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Asean, di Parlimen.

Beliau yang pertama kali menghadiri mesyuarat Asean, dijangka memberi taklimat kepada menteri luar Asean serta rakan dialog Asean

mengenai perkembangan di Asia Barat dan mendengar pandangan mengenai konflik yang semakin serius.

Pada Forum Serantau Asean (ARF) hari ini, Rice antara lain dijangka turut menyentuh isu menangani keganasan dan keselamatan antara-bangsa, perlucutan senjata pemusnah beberapa negara dunia terutama Korea Utara serta pemulihan demokrasi di Myanmar.